

**Nams : Ariel Syahmi**

**Kelas :3 -5**

**Tajuk: Mengukir Penghargaan Kepada Wira Meridian**

Kepada Cikgu Norzalina,

Saya menulis surat ini demi mengucapkan terima kasih kerana Cikgu telah menjadi sebahagian yang amat penting dalam perjalanan saya sejak di Menengah 1. Pada masa itu, segala-galanya berasa baharu dan agak tertekan, tetapi Cikgu membuatkan sekolah berasa lebih selesa dan kurang menakutkan. Cikgu sentiasa bersabar dengan saya dan membimbing saya setiap kali saya memerlukan bantuan, sama ada dalam kerja saya atau tatkala saya cuba menyesuaikan diri dengan kehidupan di sekolah.

Saya juga menghargai bagaimana Cikgu bukan sahaja seorang guru, tetapi juga seseorang yang boleh saya percayai. Setiap kali saya berkongsi perkara peribadi dengan Cikgu, Cikgu akan sentiasa mendengar dan memberi nasihat tanpa menilai kepribadian saya. Ia membuatkan saya berasa selesa berurusan dengan Cikgu.

Saya juga suka bagaimana kita boleh bergurau. Ia menjadikan pelajaran lebih menyeronokkan dan menunjukkan bahawa Cikgu benar-benar mengambil berat kepada kami sebagai pelajar, bukan sahaja dari segi akademik tetapi membina kepercayaan sebagai manusia sejati.

Cikgu juga membantu saya menjadi seorang pemimpin. Melalui bimbingan dan kepercayaan Cikgu, Cikgu memberi saya peluang untuk meningkatkan dan mengambil tanggungjawab, walaupun ketika saya tidak yakin sepenuhnya dengan diri saya sendiri. Cikgu menunjukkan kepada saya bahawa kepimpinan bukan hanya tentang bertanggungjawab, tetapi tentang menjaga orang lain, mendengar, dan menunjukkan contoh yang baik. Kerana Cikgu, saya menjadi lebih yakin dalam memimpin orang lain dan menangani cabaran.

Daripada,

Ariel Syahmi 3-5